

Projek jambatan lewat dua bulan

Kajang: Projek meninggikan jambatan dari paras maksimum air Sungai Jeluh yang menghubungkan Pasar Kajang ke Medan Selera Pasar Kajang, dekat sini, lewat dua bulan dari tempoh sepatutnya siap.

Pengarah JPS Selangor, Ab Qahar Osman, berkata projek itu sepatutnya siap Disember lalu, tetapi ditunda ke Februari kerana kontraktor yang dilantik perlu mengubah pelan asal reka bentuk penempatan dan rasuk jambatan.

Katanya, projek menaik taraf jambatan asal daripada 1.5 meter kepada 2.5 meter membabitkan kos RM258,000 yang dilaksana awal September tahun lalu kini sudah 70 peratus siap.

Tiada peruntukan tambahan

"Tiada peruntukan tambahan disalurkan bagi projek pembinaan ini kerana ia masih mengikut skop kerja pelan asal walaupun perlu diubah suai semula," katanya ketika dihubungi *BH Sentral*, semalam.

Tinjauan *BH Sentral* Isnin lalu mendapati, kerja projek itu seolah-olah 'terhenti' kerana tiada pekerja menjalankan kerja pembinaan di situ.

Bahagian 'Tarikh Milik Tapak' dan 'Tarikh Siap' pada papan tanda status 'Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Jambatan Sungai Jeluh di Pekan Kajang' pula tidak diisi sekali gus menimbulkan tanda tanya berikutan jambatan asal sudah mula

diroboh pada 16 September tahun lalu.

Abai keselamatan

Tidak cukup dengan itu, keadaan tapak yang tidak mementingkan faktor keselamatan orang awam yang melalui kawasan itu turut tidak dititikberatkan berikutan hanya terdapat tiga kon kecil bagi membahagi kawasan pembinaan dengan laluan awam.



Kerja meninggikan jambatan Sungai Jeluh, Kajang giat dijalankan.
(FOTO SARAH SULAIMAN/BH)

Selain itu, tapak projek yang boleh dimasuki pengunjung Pasar Kajang juga membahayakan berikutan tiada pita keselamatan dipasang di tebing jambatan Sungai Jeluh sekali gus meningkatkan risiko keselamatan pengunjung.

Akhbar ini pada 9 September lalu menyiarkan laporan kajian Bahagian Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang menunjukkan jumlah

hujan maksimum 113 milimeter pernah direkodkan sekali gus menyebabkan paras air Sungai Jeluh naik mendadak melepasi paras bahaya.

Kajian JPS mendapati banjir kilat berpunca daripada kenaikan paras air Sungai Jeluh secara mendadak berikutan hujan lebat dan alirannya tersekat oleh jambatan berkenaan menyebabkan air melimpah ke kawasan perniagaan dan penempatan.